

PERATURAN TATATERTIB PRASISWAZAH

FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



EDISI 2019

VERSI PENSYARAH

FAKULTI PERUBATAN



www.ukm.my/fper





PENGENALAN

Seorang pengamal perubatan, jururawat dan paramedik mestilah mempunyai sifat amanah yang tinggi demi untuk mendapatkan kepercayaan dan kerjasama dari pesakit. Aspek integriti amat ditekankan untuk dihayati oleh setiap pelajar Fakulti Perubatan semasa dalam latihan, dengan harapan mereka akan terus menjulang tinggi amanah yang dipikulkan ke atas bahu mereka. Wajar sekali sekiranya terdapat sebarang pelanggaran disiplin yang membabitkan aspek integriti, pelajar perubatan, kejururawatan dan paramedik dikenakan hukuman dan penalti yang mampu mendidik dan memberi pengajaran berkesan.

JAWATANKUASA DISIPLIN PELAJAR

Bagi menangani kes disiplin pelajar, satu Jawatankuasa Disiplin Pelajar di peringkat fakulti dibentuk yang berfungsi untuk meneliti, menyiasat dan mencadangkan bentuk *remedial* atau tindakan disiplin yang harus dikenakan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan; bergantung kepada jenis kesalahan sama ada kesalahan kecil atau besar.

Keahlian bagi jawatankuasa ini terdiri daripada Dekan Fakulti Perubatan selaku Pengerusi Jawatankuasa, pensyarah dan pegawai universiti. Organisasi Jawatankuasa Disiplin Pelajar adalah seperti yang berikut.

Pengerusi	:	<i>Dekan Fakulti Perubatan UKM</i>
Setiausaha	:	<i>Eksekutif</i>
		<i>Sekretariat Pengajian Prasiswazah</i>
AJK	:	<i>Timbalan Dekan Prasiswazah</i>
	:	<i>Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan</i>
	:	<i>Ketua Jabatan Berkaitan atau Wakil Yang Dilantik</i>

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
GLOSARI	2
PERATURAN TATATERTIB PELAJAR	
I. Salahlaku Pelajar	3
II. Hukuman Penalti Selepas Pembuktian Kesalahan	9
III. Prosedur Melaporkan Aduan Salahlaku Pelajar	11

GLOSARI

Terma	Penerangan Terma
Fabrikasi	Perlakuan untuk mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/keputusan yang tidak wujud.
Pemalsuan	Perlakuan memanipulasi data atau dokumen.
Plagiarism	Perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.
Ahli keluarga terdekat	Ibu dan bapa kandung, adik-beradik kandung, serta datuk dan nenek kandung

PERATURAN TATATERTIB PELAJAR

I. SALAHLAKU PELAJAR

Salahlaku pelajar di dalam peraturan 8 ini dikategorikan kepada tiga (3) bahagian iaitu:

- i. Salahlaku tugas
- ii. Salahlaku klinikal
- iii. Salahlaku akademik

1. SALAHLAKU TUGASAN

Salahlaku tugas adalah perbuatan yang melibatkan fabrikasi, pemalsuan atau plagiarism dalam menyempurnakan sesuatu tugas.

1.1. Kesalahan Fabrikasi

Tiada pelajar boleh:

- i. Mereka keputusan pemeriksaan pesakit di dalam *case write up*/carta pesakit
- ii. Mereka kes pesakit
- iii. Menghasilkan dapatan penyelidikan berdasarkan data yang direka sendiri.

1.2. Pemalsuan

Tiada pelajar boleh:

- i. Memalsukan tandatangan kehadiran ke sesi pengajaran.
- ii. Memalsukan tandatangan pensyarah atau penyelia sebagai bukti pelaksanaan tugas (contoh: log book, surat pengecualian kelas)
- iii. Memalsukan perincian maklumat di dalam dokumen (contoh: *case write up*)
- iv. Memanipulasi data di dalam dapatan kajian
- v. Memanipulasikan data atau mengurangkan pengesanan kesalahan disiplin (contoh: *screen shot* tugas)

1.3. Plagiarism

- i. Tiada pelajar boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain (*rujuk kepada AUKU 1971, Kaedah-kaedah UKM Tatatertib Pelajar-Pelajar, 1999, P.U. (A) 209, muka surat 1304 – 1306*).

- ii. Kesalahan plagiat ditentukan dengan menggunakan perisian Turnitin, yang mana jika jawapan pelajar atau keseluruhan tugas mempunyai persamaan >30% daripada sumber asal, maka pelajar akan disabitkan kesalahan.

2. SALAHLAKU KLINIKAL

Salahlaku klinikal adalah perbuatan yang melibatkan kerahsiaan, salahlaku yang menjejaskan reputasi profesion perubatan, kelakuan tidak sopan, ketidakbolehan bertugas, kesalahan menjalankan tugas dan kegagalan mematuhi 'Amalan Baik Perubatan'.

2.1. Kerahsiaan

Tiada pelajar boleh:

- i. Mendedahkan identiti pengenalan dan maklumat pesakit (contoh: nama, muka/gambar).
- ii. Mendedahkan maklumat (contoh: berkongsi maklumat pesakit melalui media sosial seperti memuatnaik gambar, video, bahagian tubuh, dan spesimen pesakit di *facebook*, *tweeter* dan sebagainya) walaupun identiti pesakit tidak didedahkan.

2.2. Salahlaku yang menjejaskan reputasi profesion perubatan

Tiada pelajar boleh:

- i. Mencuri ubat atau sebarang jenis alat perubatan daripada hospital.
- ii. Menjual ubat yang diberi untuk kegunaan peribadi.
- iii. Mencuri atau memalsukan sijil cuti sakit.
- iv. Mengemukakan dokumen palsu

2.3. Kelakuan yang tidak sopan

- i. Tiada pelajar boleh memeriksa pesakit tanpa kehadiran *chaperone*.

2.4. Ketidakbolehan bertugas disebabkan pengaruh dadah/alkohol

- i. Tiada pelajar boleh mengambil dadah/alkohol atau menyalahgunakan bahan yang menyebabkan ketidakupayaan mental.

2.5 Kesalahan menjalankan tugas sebagai pengamal perubatan atau jururawat atau paramedik

- i. Tiada pelajar boleh melakukan tugas *locum* sebelum tamat pengajian dan memperolehi lesen pengamal.

2.6 Kegagalan Mematuhi ‘Amalan Baik Perubatan’

- i. Tidak mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas (contoh: berkasar semasa merawat pesakit, tidak menunjukkan empati, tidak bertoleransi dan sebagainya).
- ii. Tidak berkomunikasi dengan baik kepada pesakit, keluarga pesakit, kakitangan hospital, rakan sekerja dan sebagainya (contoh: pelajar berkelakuan tidak sopan terhadap pesakit, kakitangan hospital, rakan sekerja dan lain-lain).
- iii. Tidak menjaga kerahsiaan atau mendedahkan apa-apa maklumat perubatan tanpa mendapat keizinan daripada pesakit dan pihak yang berkenaan.

3. SALAHLAKU AKADEMIK

Salahlaku akademik di bawah peraturan ini merangkumi kesalahan yang berkaitan dengan kehadiran dan kelakuan pelajar semasa aktiviti pembelajaran di dalam dan luar kampus, peperiksaan dan juga kesalahan lain.

3.1. Kehadiran Kuliah (rujuk kepada AUKU 1971, Kaedah-kaedah UKM Tatatertib Pelajar-Pelajar, 1999, P.U. (A) 209, muka surat 1304)

Merujuk klausa :-

4. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki hadir mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubungan dengan kursus pengajiannya, ia tidak boleh tidak hadir kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti atau Pusat, atau Pengarah Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pelajar wajib hadir 100% pengajian (kuliah, tutorial, SGD, PBL, pengajaran klinikal, dan pengajaran & pembelajaran (P&P) lain), namun Fakulti Perubatan mengambil kira jika pelajar tidak boleh hadir di atas sebab-sebab yang kukuh dan menyakinkan (samada dirancang atau tidak dirancang), dan ini termasuk sebab-sebab seperti sakit, kematian ahli keluarga terdekat, bencana alam

(seperti kebakaran, banjir dan lain-lain), kemalangan dan lain-lain. Pelajar perlu memohon kepada Dekan Fakulti sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tempoh pengecualian kehadiran diperolehi melainkan hal-hal kecemasan.

3.2. Kehadiran dalam Peperiksaan (rujuk kepada AUKU 1971, Kaedah-kaedah UKM Tatatertib Pelajar-Pelajar, 1999, P.U. (A) 209, muka surat 1306)

Merujuk klausa:-

7. (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir tanpa kebenaran terdahulu Dekan Fakulti atau Pusat, atau Pengarah Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu/awal diperolehi, pelajar hendaklah memberi bukti kukuh yang dapat memuaskan hati Dekan dengan secepat mungkin.

(3) Semua peperiksaan wajib dihadiri oleh pelajar mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan kecuali dengan kebenaran Dekan.

3.3. Kelakuan Semasa Peperiksaan

Tiada pelajar boleh:

- i. Mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau keluar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain (contoh bahan elektronik, salinan keras atau salinan lembut) daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor).
- ii. Menulis, atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan

yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya.

- iii. Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara pun.
- iv. Menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.
- v. Meniru semasa peperiksaan sedang dijalankan.
- vi. Mengingkari arahan Pengawas Peperiksaan semasa peperiksaan.

Syarat-syarat lain yang ditetapkan untuk menduduki peperiksaan:
Seseorang calon **LAYAK** menduduki peperiksaan akhir semester, ikhtisas jika:

- i. Hadir kuliah dan P&P lain sebanyak 100% dan jika tidak hadir perlu memberi alasan-alasan kukuh seperti tersebut di atas klausa 4. (2) (rujuk bahagian 3.1. Kehadiran Kuliah).
- ii. Mesti memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh modul/posting contoh, buku log yang lengkap, *case-write up*, pembentangan seminar dan segala bentuk tugas yang perlu dihantar pada masa yang telah ditetapkan oleh setiap modul.
- iii. Tiada kes disiplin seperti memplagiat atau menipu apa-apa bentuk penilaian (seminar, laporan, penulisan kes, buku log) yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.

3.4. Kesalahan-Kesalahan Lain Bagi Salahlaku Akademik:

- i. Tiada pelajar boleh melayari laman web yang haram seperti pornografi dan perjudian yang menggunakan server rasmi UKM sama ada di kampus mahupun di kolej kediaman. Jika disabit kesalahan melalui alamat internet protokol (IP) yang dikenalpasti maka pelajar akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

- ii. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan kod etika pakaian di kampus UKM di dalam waktu pembelajaran akan dikenakan tindakan sewajarnya jika disabit kesalahan.
- iii. Lewat hadir pengajaran hanya sekali dalam kuliah/*posting*. Jika kesalahan ini berulang pada *posting* yang sama, maka ia menjadi salahlaku berat.
- iv. Lewat satu hari menghantar buku log atau tugas lain. Jika kesalahan ini berulang pada kuliah/*posting* yang lain juga, maka ia menjadi salahlaku berat; semasa mesyuarat pemantauan *posting* perkara ini boleh dikesan.
- v. Buku log atau tugas tidak lengkap.
- vi. Jika kesalahan ringan diulang lebih daripada satu kali untuk dua kuliah/*posting* berlainan atau dalam kuliah/*posting* yang sama, maka ini dianggap kesalahan besar.

II. HUKUMAN PENALTI SELEPAS PEMBUKTIAN KESALAHAN

1. Seseorang pelajar yang telah disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penalti berikut yang bersesuaian dengan setiap kes disiplin yang dikemukakan.

- i. Diberikan surat amaran dari Dekan sebagai Pengerusi JK Disiplin Pelajar
- ii. Mendapat markah kosong (0) untuk komponen penilaian yang disahkan berlaku kesalahan integriti plagiat
- iii. Dikira gagal dalam modul PPD bagi komponen posting yang terbabit pada semester tersebut
- iv. Dikira gagal dalam keseluruhan modul PPD bagi semester tersebut dan dikehendaki mengulang modul
- v. Mencapai PPD Tahap 1 secara automatik dalam Penilaian Mentoran PPD Tahun 5 (bagi pelajar perubatan Tahun 5)
- vi. Dimestikan menjalani tempoh penambahbaikan (remediation) bermula dari masa kesalahan berkaitan integriti disabitkan, di mana bentuk remediation ditentukan oleh JK PPD Tahun 5 (bagi pelajar perubatan Tahun 5)
- vii. Hukuman di peringkat posting @ modul terbabit yang dirasakan sesuai untuk memberi pengajaran – ditentukan oleh Ketua Jabatan setelah dibincangkan di peringkat Jabatan atau Jawatankuasa

Nota tambahan :

JK Disiplin boleh menetapkan sebarang bentuk gabungan dari senarai cadangan di atas sebagai penalti yang dirasakan sesuai untuk setiap kes yang dikemukakan.

2. Peruntukan-Peruntukan Lain (rujuk kepada Peraturan 8 dalam Peraturan-Peraturan Fakulti Perubatan, Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Perubatan Sesi 2014/2015, muka surat 133)

Merujuk klausa:-

- 8.1. Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus/ikhtisas sekiranya Dekan telah memperakui bahawa calon berkenaan:
 - 8.1.1. telah tidak mengikuti 100% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti dan/atau tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus.
 - 8.1.2. telah memplagiat atau menipu apa-apa bentuk penilaian (seminar, laporan, penulisan kes, buku log) yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.
 - 8.1.3. tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus.
 - 8.1.4. menghadapi tindakan tatatertib berat misalnya terlibat dengan kes jenayah dan lain-lain tindakan yang boleh menjejaskan profesyen perubatan.
 - 8.1.5. mempunyai sikap yang tidak bersesuaian sebagai seorang pelajar Fakulti Perubatan dan menjejaskan profesyen masing-masing. (Senat Ke-335 - 19 Mac 2008)

III. PROSEDUR MELAPORKAN ADUAN SALAHLAKU PELAJAR

i. Langkah 1:

- a. Aduan boleh diterima daripada pensyarah, kakitangan, pelajar dan keluarga pelajar, pesakit dan keluarga pesakit.
- b. Aduan yang diterima perlu dinyatakan dalam bentuk bertulis.
- c. Pengadu melaporkan aduan kepada:
 - i. Eksekutif Pentadbiran, Sekretariat Pengajian Prasiswazah dan Alumni (bagi kes pelajar perubatan prasiswazah)
 - ii. Eksekutif Pentadbiran, Sekretariat Pengajian Siswazah & Hubungan Antarabangsa (bagi kes pelajar perubatan siswazah)
- d. Laporan aduan diserahkan kepada Timbalan Dekan Pengajian Prasiswazah dan Alumni/Timbalan Dekan Pengajian Siswazah & Hubungan Antarabangsa untuk dimajukan kepada Jawatankuasa Disiplin Pelajar bagi menyiasat aduan tersebut.

ii. Langkah 2:

- a. Jawatankuasa Disiplin Pelajar menerima laporan aduan daripada Timbalan Dekan yang berkenaan dan seterusnya membentuk Panel Siasatan yang merangkumi 5 orang yang mana 3 daripadanya merupakan AJK Disiplin Pelajar dan 2 lagi dilantik daripada kalangan pensyarah.
- b. Panel Siasatan bertanggungjawab untuk:
 - menyaring dan menyiasat laporan pengaduan seperti butir-butir diri pengadu, dan butiran laporan aduan.
 - menentukan sama ada kesalahan yang dilaporkan adalah kesalahan kecil atau besar.
 - Merekod dan menyediakan laporan siasatan kes.
- c. Ketua Panel Penyiasat melaporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Disiplin (Dekan Fakulti) mengenai hasil siasatan kes.

iii. Langkah 3:

- a. Dekan Fakulti menerima dan meneliti laporan siasatan kes daripada Ketua Panel Siasatan dan seterusnya menentukan bentuk tindakan yang akan dikenakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan.

- b. Jika pelajar melakukan kesalahan ringan; pihak Fakulti boleh mengenakan tindakan disiplin (pentadbiran) terhadap pelajar tersebut.
- c. Jika kesalahan berat dilakukan, ia akan dimajukan kepada Jawatankuasa Tatatertib di UKM Bangi.

iv. Carta Alir Laporan Salahlaku Pelajar Fakulti Perubatan UKM (FPUKM)

